

MEI
2022

Aspirasi
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

LONDON CRAFT WEEK JULANG TENUN PAHANG DIRAJA



Antara tetamu kehormat yang hadir ke London Craft Week

London, 10 Mei - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah dijemput menghadiri perasmian London Craft Week pada 9 Mei 2022 di bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Belgrave Square, London, United Kingdom.

Jemputan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj di atas kapasiti Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB) iaitu anak syarikat PKNP yang terlibat secara langsung dalam penghasilan Tenun Pahang Diraja.

Pameran Tenun Pahang Diraja yang bertemakan "Menyulam Harapan" di London Craft Week ini sedang berlangsung bermula 9 Mei hingga 15 Mei 2022. Pada pameran ini lebih 300 koleksi Tenun Pahang Diraja yang merupakan hasil kerja tangan banduan dari Penjara Penor dan Penjara Bentong, Pahang.

Tenun Pahang Diraja turut dihasilkan oleh penenun- penenun dari Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB) yang terletak di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja di Sungai Soi, Kuantan, Pahang. Tenun Pahang Diraja yang dikeluarkan oleh RASB boleh dibeli dengan menghubungi Puan Zila 011 25608816 atau Puan Syuhadah di 018 374 9868.

PKNP melalui RASB sentiasa berusaha memartabatkan seni Tenun Pahang Diraja bagi memastikan kelangsungan seni ini terus kekal zaman berzaman.

PKNP LUNAS HUTANG CIMB ISLAMIC BANK BERHAD RM 200 JUTA

Kuantan, 25 Mei - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail menyerahkan replika cek berjumlah RM30 juta sebagai bayaran akhir kepada CIMB Islamic Bank Berhad di Wisma Sri Pahang pada pagi ini.

Replika cek telah diserahkan kepada Pengarah Urusan dan Ketua Kumpulan Sektor Awam, Encik Zainul Tan Sri Zain Hashim. Turut hadir menyaksikan upacara ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin.



Penyerahan replika cek dalam satu majlis ringkas di Wisma Sri Pahang, Kuantan oleh YAB. Menteri Besar Pahang.

Pada tahun 2012, PKNP telah membuat pinjaman berjumlah RM200 juta dari CIMB Islamic Bank Berhad. Penyelesaian hutang bagi bayaran 1st Tranche telah dilaksanakan pada tahun 2017 dengan jumlah sebanyak RM80 juta. Bayaran 2nd Tranche pula telah diselesaikan pada tahun 2019 dengan jumlah RM60 juta dan RM30 juta pada 2020. Selain itu, baki berjumlah RM30 juta telah dilunaskan pada hari ini.

PKNP komited dalam memastikan penstrukturan hutang dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini selari dengan pelan transformasi PKNP yang menasaskan penyelesaian hutang sedia ada.

KDYMM PEMANGKU RAJA PAHANG BERANGKAT MELAWAT LOMBONG PKNP DI LIPIS, PAHANG



Pemangku Raja menurunkan tanda tangan sambil disaksikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang

26 Mei, Lipis - Yang Berhormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar hadir bagi mengiringi Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ke Lombong Emas PKNP di Selinsing, Lipis, Pahang.

PKNP merupakan pemegang tenemen melombong dan operasi di tapak dilaksanakan oleh Selinsing Gold Mine Manager Sdn Bhd.

Sesi lawatan ni merangkumi taklimat di pit-4 kawasan melombong disusuli dengan lawatan ke kilang pemprosesan emas.

PROGRAM TRANSPRENEUR PKNP DI KOMUNITI DAERAH BERA

26 Mei, Bera - PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan telah menganjurkan Program Transpreneur PKNP bertempat di Pahang Resthouse @ Bera, Bandar Kerayong Bera. Program ini turut mendapat kerjasama Majlis Belia Daerah Bera. Objektif program ini adalah untuk memberi galakan, pendedahan, latihan dan bimbingan kepada golongan belia menceburi bidang keusahawanan.

Program ini juga mendedahkan peluang, maklumat dan findakan-findakan penting untuk memulakan perniagaan.

Antara panel yang diundang bagi menjayakan program sehari ini ialah Encik Shahrul Ambar bin Abdullah Ambar, Eksekutif Pembangunan Usahawan TEKUN Nasional Negeri Pahang. Beliau telah memberi taklimat berkenaan insentif dan skim-skim pinjaman yang disediakan di bawah TEKUN Nasional.

Selain itu, Puan Nana Rahman dan Encik Ooi Kai Xian dari Innergialabs menerangkan berkenaan Transformasi Perniagaan dengan penggunaan sistem bagi menguruskan kewangan dan geran pendigitalisasi oleh MDEC yang terus boleh dimohon oleh usahawan.



Pengurus PKK, Encik Nasry bin Kassim bersama sebahagian peserta dan uruselia program

KURSUS AUDIT DALAMAN ISO 9001:2015 DAN ISO 37001:2016



Kursus selama tiga hari ini menjadi platform kepada para pegawai untuk memahami dan mendalami selok - belok sebagai juruaudit dalaman PKNP

Kuantan, 12 Mei - Seramai 29 pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional PKNP telah menghadiri kursus Audit Dalaman ISO 9001:2015 dan ISO 37001:2016 bermula pada 9 Mei sehingga 11 Mei 2022 di Dewan Seminar EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan melatih para peserta untuk menjadi Juruaudit Dalaman bagi ISO 9001:2015 dan ISO 37001:2016.

Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Abdul Razak bin Abu Bakar dari QTC Management Consultant Sdn Bhd.



Tahniah

Kepada

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG
DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

atas

GENAPNYA 4 TAHUN DI LANTIK SEBAGAI
YAB MENTERI BESAR PAHANG

Pada

15 MEI 2022

Ikhlas daripada

Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan
Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



SELAMAT MENYAMBUT HARI PEKERJA 2022

Hari Pekerja tahun 2022 dirai dengan tema Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara.

PKNP sebagai sebuah organisasi turut terkesan ketika wabak Covid - 19 melanda negara pada tahun 2020 dan 2021.

Pada ketika itu, para pekerja perlu mengadaptasi norma baharu iaitu bekerja di rumah bagi memastikan tanggungjawab sebagai penjawat awam tetap diteruskan waima dalam keadaan apa sekalipun.

Kini, dalam fasa pemulihan atau fasa endemik, perjalanan memartabatkan PKNP sebagai sebuah agensi yang cemerlang perlu diteruskan.

Kita semua adalah tonggak kepada kelangsungan PKNP.

Kepada semua anggota pekerja Kumpulan PKNP, Pengurusan PKNP ingin mengucapkan Selamat Hari Pekerja dan terima kasih di atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan anda selama ini.

Teruskan berjuang kerana anda semua adalah tonggak kepada kemajuan dan pembangunan PKNP!




Selamat Menyambut

Hari Wesak

16 Mei 2022

Ikhlas Daripada

Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan,
dan Anggota Pekerja PKNP



HARI HOL
NEGERI PAHANG

Smpena Memperingati Kemangkatan

Al-Fatihah

AL - MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN
AL-MU'ADZAM SHAH

" Ya Allah Cucurilah Rahmat Ke Atas Roh Baginda "

Ikhlas Daripada

Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan,
dan Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



**MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI KUMPULAN PKNP
BERSAMA-SAMA YAB. MENTERI BESAR PAHANG MERANGKAP PENERUSI PKNP
- TAUTKAN KEMBALI SILATURAHIM**



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman
Muhammad Faleq Aidid bin Mohd Shamsul Kahar

Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)